



PEKELILING PENDAFTAR BIL.1 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN URUSAN TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK PEMBELIAN KASUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan adalah bagi memastikan tuntutan balik bagi pembelian kasut yang dibeli sendiri oleh staf yang layak (kecuali Pengawal Keselamatan) dibuat dengan teratur, telus dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penyediaan pakaian seragam di UPSI adalah mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan melalui pekeliling berikut:

- i) Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1990,
- ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1995,
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 2011,

2.2 Sebagai langkah penambahbaikan bagi kaedah pembekalan kasut kepada staf (kecuali Pengawal Keselamatan), Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 29 Tahun 2014 bertarikh 10 Disember 2014 telah menetapkan staf yang layak dibekalkan dengan kasut boleh membeli sendiri kasut jenis kulit dan *safety boot* kulit dan seterusnya membuat tuntutan balik tertakluk kepada had seperti berikut:

Bil	Jenis Kasut	Kadar Maksimum
1.	Kasut kulit (berwarna HITAM)	RM150 sepasang
2.	Kasut/boot keselamatan kulit (berwarna HITAM)	RM250 sepasang

3. SENARAI STAF UPSI YANG LAYAK DIBEKALKAN KASUT

BIL.	JAWATAN/ GRED	KASUT	SAFETY BOOT
1	Pegawai Sains C41 (yang terlibat dengan makmal)	-	1
2	Arkitek/Juru Ukur Bahan/Jurutera (Awam/Elektrik/Mekanikal) J41/44	-	1
3	Penolong Jurutera (Awam/Elektrik/Mekanikal/Elektronik) JA29 - J40	-	1
4	Penolong Juruukur Bahan JA29- J40	-	1
5	Penolong Arkitek Landskap JA29- J40	-	1
6	Penolong Pegawai Seni Bina JA29 - J40	-	1
7	Jururawat / Jururawat Pergigian U29 – U40	2	-
8	Penolong Pegawai Perubatan U29 – U40	2	-
9	Penolong Pegawai Farmasi U29 – U40	2	-
10	Juruteknologi Makmal U29 – U40	2	-
11	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan C27 – C40	-	1
12	Penolong Pegawai Pertanian G27 – G40	1	1
13	Penolong Pegawai Latihan Vokasional J29 –J40	1	1
14	Penolong Pegawai Sistem Maklumat FA29 – FA40	-	1
15	Penolong Pegawai Sains C27 – C40 (Yang terlibat dengan makmal)	-	1
16	Pereka (Seni) B17 - B17	1	1
17	Pelukis Pelan JA17 – JA40	-	1
18	Pembantu Makmal C17 - C26	1	1
19	Juruteknik (Mekanikal) J17 – J26	1	1
20	Penjaga Jentera Elektrik R17 – R26	1	1
21	Tukang (Awam, Elektrik, mekanikal) R9 - R26 Pembantu Kemahiran H17 – H26	1	1
22	Juruteknik (Automoitif) J17 – J266	1	1
23	Juruteknik (Ukur/ Awam/Elektronik) J17 – J26	-	1
24	Juruteknik (Komputer) FA19 – FA26	-	1
25	Pembantu Pembedahan Pergigian U17 – U26	2	-
26	Pemandu kenderaan R6 / R3 / H11 / H14	2	-
27	Pekerja AwamR1 – R4 / Pembantu Awam H11 – H14	1	1
28	Pembantu Am Pejabat N1 – N4 / Pembantu Operasi N11 – N14	2	-
29	Atendan Kesihatan U3 – U26 / Pembantu Perawatan Kesihatan U11 – U14	2	-